

# Dakwah Islamiah: Kajian Tentang Pandangan Ulama Mengenai Hukumnya

Ab. Aziz Mohd. Zin

## Abstract

*Islamic dakwah activities in Malaysia are organised by individuals and organisations that conceive dakwah in a limited scope with unclear hukm or law. The situation is probably due to the different conceptions of dakwah among the Ulama. The paper will elaborate the opinion of the Ulama regarding the responsibility of dakwah on every Muslim and how far the opinion is accepted. Comparison will be made between the conception of dakwah of the Ulama and the actual conception of dakwah according to the Quran and Sunnah.*

## Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan tentang tanggungjawab dakwah yang masih ditanggapi secara keliru oleh kebanyakan orang Islam, khususnya di Malaysia. Tanggapan tersebut, secara kasarnya ialah bahawa dakwah menjadi tanggungjawab golongan tertentu sahaja.

Pada hakikatnya, majoriti orang Islam di Malaysia menampakkan bahawa

mereka tidak menjadikan diri mereka sebagai pembawa risalah dakwah. Keadaan ini dapat dilihat dari keadaan masyarakat Islam yang kebanyakannya memandang sepi terhadap dakwah. Sebabnya, mungkin kerana sudah berasa cukup dengan orang lain yang melakukannya, dan yang lain pula berasa bahawa mereka bukan ahlinya untuk berdakwah, dengan alasan bahawa mereka tidak mempunyai ilmu agama. Akibat daripada kefahaman seperti itu, dakwah hanya didokong dan diusahakan secara bersungguh oleh segelintir orang Islam.

### **Maksud Dakwah**

Al-Quran telah menjelaskan maksud dakwah, antaranya ialah firman Allah yang bermaksud:

*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik (al-Nahl: 125).*

Mengikut Muhammad al-Ghazali, yang dimaksudkan dengan dakwah itu ialah satu program atau *barnamij* lengkap, yang mengandungi semua ilmu yang diperlukan manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup, dan bagi menyingkap petunjuk jalan kepada mereka.<sup>1</sup>

Ini bererti, dakwah bukan semata-mata laungan yang tidak menentu. Sebaliknya, satu usaha yang teratur baik, khususnya untuk menarik perhatian sasaran. Ia juga bukan semata-mata mengajar ilmu agama, tetapi juga segala macam ilmu yang diakui oleh Tuhan untuk kepentingan dunia dan akhirat.

### **Pandangan Para Ulama**

Berdasarkan al-Quran dan hadis, tidak ada keterangan yang jelas tentang hukum dakwah. Dengan yang demikian, ulama berbeza pendapat. Golongan pertama berpendapat ia fardu kifayah. Sementara golongan kedua pula berpendapat ia fardu *ain*. Kedua-dua golongan tersebut mempunyai hujah masing-masing, sama ada dari al-Quran, hadis atau lain-lain.

Antara hujah golongan pertama ialah firman Allah yang bermaksud:

*Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.*

*(Ali-Imran: 104)*

Bagi golongan ini, kalimah *di antara kamu* ( **منكم** ) dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa perintah ayat tersebut ditujukan kepada sebahagian daripada orang Islam sahaja.<sup>2</sup>

Kata al-Qurtubi (m. 671H/1272 atau 73M), menyuruh makruf dan menegah mungkar itu fardu kifayah.<sup>3</sup> Al-Shawkani (1173H/1759 atau 60M-1250M/1834 atau 35M) pula menjelaskan, perintah tersebut khusus kepada ahli ilmu yang mengetahui tentang apa yang ditegah dan apa yang disuruh.<sup>4</sup>

Antara dalil lain bagi golongan ini ialah firman Allah yang bermaksud: *Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berhaga-jaga.*

(al-Taubah: 122)

Menafsirkan ayat tersebut, al-Qurtubi menjelaskan bahawa jihad itu fardu kifayah, bukan fardu ain. Kerana ada orang yang dimestikan keluar berjihad dan ada orang yang dimestikan belajar mendalami ilmu.<sup>5</sup>

Dalil lain yang menjadi pegangan mereka ialah firman Allah yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah sahaja diri kamu (dari melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah). Orang-orang yang sesat tidak akan mendatangkan mudarat kepada kamu apabila kamu sendiri telah mendapat hidayat pertunjuk. Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, kemudian Dia akan menerangkan kepada kamu (balasan) bagi apa yang kamu telah lakukan.*

(al-Maidah: 105)

Kata mereka, ayat di atas menyeru orang Islam supaya menjaga diri dari melakukan maksiat. Ia juga menerangkan bahawa orang-orang yang sesat itu tidak boleh berbuat apa-apa terhadap orang yang telah diberikan hidayat.<sup>6</sup>

Sementara golongan kedua berpendapat dakwah itu fardu 'ain. Bagi mereka, pandangan tersebut berdasarkan dalil al-Quran, hadis dan qiyas.

Dalil dari al-Quran ialah firman Allah yang bermaksud: *Wahai Rasul Allah! sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka (bermakna) tiadalah engkau menyampaikan perutusan-Nya; dan Allah jualah akan memeliharaku dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat pertunjuk kepada kaum yang kafir.*

(al-Maidah: 67)

Menghuraikan ayat ini Dr. Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal menjelaskan, oleh kerana Nabi s.'a.w. ditaklifkan dengan tugas menyampaikan agama Allah maka umatnya juga ditaklifkan dengan tugas itu. Nabi s.'a.w. adalah contoh yang mesti

diikuti oleh umatnya.<sup>7</sup>

Ayat yang kedua ialah firman Allah yang bermaksud:

*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat pertunjuk.*

(al-Nahl 125)

Sementara ayat yang ketiga pula ialah firman Allah yang bermaksud:

*Dan serulah manusia kepada (agama) Tuhanmu; dan janganlah engkau menjadi dari golongan yang menyertai orang-orang musyrik.*

(al-Qasas: 87)

Berdasarkan dua ayat di atas, golongan kedua ini menghujah bahawa Nabi s.a.w. diperintahkan secara khusus supaya berdakwah. Maka orang Islam juga diperintahkan supaya melaksanakan tanggungjawab tersebut.<sup>8</sup>

Kata Dr. 'AbdulKarim Zaidan, tanggungjawab ini mestilah dipikul sama oleh umat Islam, kerana ia tidak termasuk di dalam perkara yang terkhusus bagi Nabi s. 'a.w. sahaja.<sup>9</sup>

Selain itu mereka juga berhujah dengan firman Allah yang bermaksud:  
*Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah ...*

(Ali-Imran 110)

Ayat ini menjelaskan dua perkara; pertama, tentang umat Nabi Muhammad yang merupakan sebaik-baik umat dan kedua, tentang tugas umat ini, iaitu menyuruh makruf dan menegah mungkar. Dakwah adalah perkara yang mula-mula sekali termasuk ke dalam tugas tersebut.<sup>10</sup>

Ayat selanjutnya yang menjadi dalil bagi pandangan mereka ialah firman Allah yang bermaksud:

*Katakanlah (wahai Muhammad); Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata dan aku menegaskan Maha Suci Allah, dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.*

(Yusuf: 108)

Bagi golongan ini, ayat tersebut menyeru sesiapa sahaja yang mengikut Nabi

Muhammad s. 'a.w. supaya melaksanakan tugas yang telah dilaksanakan oleh Nabi s. 'a.w. kerana ayat tersebut memerintahnya supaya berbuat demikian.<sup>11</sup>

Antara dalil lain lagi ialah firman Allah yang bermaksud: .lm5  
*Orang-orang kafir Yahudi dan Bani Israel telah dilaknat melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa. Yang demikian itu, disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan.*

(al-Maidah 78-79)

Ayat tersebut, antara lain menjelaskan bahawa di antara sebab Bani Israel dilaknat dahulu ialah kerana mereka tidak bersikap menegah kemungkaran dan kedosaan yang berlaku di hadapan mereka.<sup>12</sup>

Berdasarkan ayat-ayat yang telah disebutkan, golongan ini mengambil kesimpulan bahawa dakwah satu tuntutan besar yang mesti dilakukan oleh setiap orang Islam, kerana ayat-ayat tersebut menyeru setiap orang Islam berbuat demikian.

Selain dari al-Quran, mereka juga berpegang dengan hadis. Antaranya ialah hadis riwayat Bukhari, maksudnya: Sesungguhnya orang yang hadir itu hendaklah menyampaikan kepada orang-orang yang tidak hadir. Boleh jadi, orang yang hadir itu menyampaikan perkhabaran dari Nabi s. 'a.w. kepada orang yang lebih sedar daripadanya sendiri.<sup>13</sup>

Hadis di atas dengan jelas memerintah sesiapa sahaja yang mengetahui tentang agama ini supaya memberitahu kepada orang lain. Bagaimanapun, "tidak mengetahui" tidak boleh menjadi alasan untuk tidak berdakwah, kerana Islam mewajibkan setiap orang Islam belajar.

Satu hadis lain ialah yang diriwayatkan oleh Bukhari (194H-256H), bermaksud: *Sampaikanlah dari aku kepada sesiapa, walaupun satu ayat (sedikit), dan beritahulah sesiapa mengenai keburukan Bani Israel tanpa rasa berat. Barangsiapa membohongi ke atas aku dengan sengaja, maka bersedialah untuk masuk neraka.*<sup>14</sup>

Hadis tersebut juga dengan jelas menerangkan walau bagaimana sedikit pun pengetahuan agama yang dipelajari oleh seseorang, ia perlu disampaikan pula kepada orang lain.

Di samping itu, mereka juga berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (204H-261H), bermaksud:

*Sesiapa yang melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahkannya (menghapuskannya) dengan tangannya. Jika dia tidak berkuasa berbuat demikian, maka hendaklah dia mengubahkannya dengan lidahnya (mulutnya). Jika dengan itu juga dia tidak berkuasa, maka hendaklah dengan hatinya. Tetapi, itu merupakan selemah-lemah iman.*<sup>15</sup>

.Menafsirkan hadis tersebut, al-Qurtubi menjelaskan bahawa menyuruh makruf dengan menggunakan tangan (kekuasaan) mesti dilakukan oleh pemerintah, dengan lidah oleh ulama, sedangkan dengan hati sahaja sikap orang awam yang lemah.<sup>16</sup>

Tafsiran tersebut menunjukkan bahawa menegah kemungkaran itu mesti dilakukan oleh setiap orang, mengikut kemampuan masing-masing, walaupun dengan hatinya sahaja. Ia juga menunjukkan bahawa sesiapa yang tidak berbuat demikian, akan terlepas dari ikatan iman.

Antara hadis lain lagi ialah yang diriwayatkan oleh al-Nasai' (215H-303H), bermaksud:

*Berjuanglah menentang orang-orang musyrik dengan harta benda kamu, tangan kamu dan lidah kamu (mulut kamu).*<sup>17</sup>

Hadis tersebut jelas menunjukkan, setiap orang Islam mesti berjihad melawan orang-orang musyrik dengan harta benda, kekuasaan dan mulut.

Kesimpulannya, perintah sebagaimana yang tersebut di dalam hadis-hadis itu, terkena ke atas semua orang Islam, tanpa kecuali. Dengan itu, setiap orang mesti melaksanakan tanggungjawab tersebut mengikut kemampuan masing-masing.

*Dari segi Qias pula ada satu kaedah dalam Islam yang maksudnya:* Jika sesuatu perkara yang wajib itu tidak dapat dilakukan kerana ia bergantung kepada benda lain, maka benda lain itu juga menjadi wajib disempurnakan, jika benda itu di dalam lingkungan kekuasaan tabiat manusia.<sup>18</sup>

Kaedah tersebut dipadankan dengan dakwah, iaitu segala dasar, peraturan dan kewajipan yang terdapat di dalam Islam wajib dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh setiap orang Islam. Namun, untuk melaksanakan perkara-perkara tersebut mestilah didahulukan dengan berdakwah. Dengan yang demikian, menjadi kewajipan kepada setiap orang melakukan dakwah.

## Penilaian

Dari hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua golongan, bagi menentukan hukum dakwah, didapati bahawa hujah-hujah dari golongan pertama masih banyak boleh diperbincangkan. Ayat-ayat al-Quran yang dikemukakan oleh golongan ini untuk dijadikan hujah pendapat mereka tidak tepat.

Hujah pertama, iaitu surah *Ali-Imran* ayat 104 yang dibawa untuk menjadi dalil bahawa berdakwah itu tertentu kepada sesetengah golongan sahaja, tidak membawa maksud yang muktamad ke arah itu. Terjemahan pada perkataan yang terdapat di dalam ayat tersebut, iaitu ( **منكم** ) dengan maksud *daripada kamu* adalah tidak tepat. Memang tidak dinatikan bahawa ada ulama tafsir yang menterjemahkannya demikian. Contohnya, al-Shawkani yang menyebut bahawa tugas dakwah tertentu kepada ahli-ahli ilmu sahaja<sup>19</sup> Tetapi, ada setengah-setengah ulama tafsir yang tidak berpendapat demikian.

Mengikut Muhammad 'Abduh (1849M - 1905M), perkataan ( **منكم** ) bukan bererti *daripada kamu*. Ia sebagai satu tambahan bagi

menjelaskan perintah selepasnya. Dengan yang demikian, perintah dalam ayat tersebut, iaitu tanggungjawab dakwah adalah atas semua orang. Ia tidak terkhusus kepada sesuatu golongan sahaja. Bandingannya, sebagaimana penjelasan Allah dalam surah *al-'Asr* dan surah *al-Maidah*, ayat 78-79, yang maksudnya ditujukan kepada umum.<sup>20</sup>

Berdasarkan pendapat seperti di atas, al-Sayyid Nawfal menjelaskan, ayat tersebut bererti:

*Dan hendaklah kamu semua, wahai orang-orang Islam! menjadi satu golongan yang menyeru kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang salah...*

(*Ali-Imran: 104*).<sup>21</sup>

Hujah kedua, iaitu surah *al-Taubah* ayat 122 yang dibawa sebagai dalil bahawa dakwah itu tertentu kepada golongan ahli ilmu atau orang-orang yang belajar tentang Islam sahaja.

Kalau dilihat dengan teliti, ayat tersebut tidaklah menunjukkan bahawa dakwah itu ditentukan kepada golongan ahli ilmu sahaja. Ini kerana berjihad itu merupakan sebahagian daripada kerja-kerja Islam atau laluan dakwah, atau lebih tepat dikatakan kemuncak dakwah. Dengan yang demikian, jihad merupakan satu daripada dakwah, khususnya pada masa Nabi s. 'a.w., kerana Perang Badar (2H), Perang Uhud (3H), Perang Ahzab (5H), Pembukaan Mekah (8H) dan lain-lain merupakan perang yang mempunyai motif dakwah.

Dr. MuhyidDin 'Abdul Halim menjelaskan, sesiapa sahaja yang sedar tidak boleh mengingkari peranan yang jelas yang dimainkan oleh jihad di dalam dakwah. Peperangan-peperangan yang berlaku pada masa Nabi s. 'a.w. merupakan sebesar-besar unsur kepada perkembangan Islam. Perang dan pembukaan kawasan yang berdasarkan Islam merupakan laluan kepada dakwah Islamiah.<sup>22</sup>

Oleh itu, ayat tersebut menuntut sebahagian orang supaya keluar berperang dan sebahagian yang lain supaya mendalami ilmu untuk diajar kepada orang yang terpaksa keluar berperang. Dari sini dapat dilihat bahawa semua orang mesti bekerja untuk kepentingan Islam.

Dari sini, cukup jelas bahawa ayat tersebut tidak membebaskan tuntutan dakwah bagi sesetengah golongan. Malah, ia menunjukkan kepelbagaian kerja di dalam dakwah mengikut keperluan dan kemampuan masing-masing.<sup>23</sup>

Hujah ketiga, iaitu surah *al-Maidah* ayat 105 yang dibawa untuk menjadi dalil bahawa usaha dakwah tidak diperlukan bagi membawa orang lain kepada hidayah Allah, setelah dia diberikan hidayah itu. Ia diertikan bahawa *taklif* dakwah tidak ada bagi seseorang yang telah diberikan hidayah.<sup>24</sup>

Ibn Majah (207H-273H) telah menyebut bahawa Abu Bakar al-Siddiq sendiri menolak kefahaman seperti itu dari ayat tersebut.<sup>25</sup>

Dari huraian-huraian yang dijelaskan, kesimpulannya ialah percanggahan penafsiran di antara ulama wujud dengan ketaranya pada dalil-dalil yang dibawa oleh golongan pertama untuk menentukan hukum dakwah. Dengan yang demikian,

pendapat golongan pertama yang didasarkan di atas hujah-hujah tersebut tidak kukuh. Bagi golongan kedua pula, selain daripada kepelbagaian sumber hukum yang dibawa untuk menentukan tanggungjawab dakwah, hujah-hujah yang dibawa adalah jelas dan tepat. Maka, pendapat yang mengatakan dakwah itu fardu ain, mengikut kemampuan masing-masing lebih tepat.

### **Fardu Kifayah Dan Fardu 'Ain**

Setelah diteliti segala hujah yang dikemukakan, dapatlah difahami bahawa dakwah itu satu tuntutan yang terlalu besar. Ia ada hubungkait yang rapat dengan matlamat dijadikan manusia. Kalaulah matlamat dijadikan manusia adalah untuk beribadat atau perhambaan diri kepada Allah, maka dakwah merupakan saluran untuk memperjelaskan matlamat tersebut kepada sasaran. Atas alasan ini dakwah Islamiah merupakan pokok dalam kehidupan orang Islam. Dengan itu, hukum dakwah bukan setakat fardu 'ain atau fardu kifayah, malah lebih dari itu.

Al-Sayyid Nawfal menjelaskan bahawa baginya tidak ada halangan untuk dikatakan bahawa hukum dakwah itu kedua-duanya sekali, iaitu fardu 'ain dan fardu kifayah. Dakwah itu fardu 'ain, kerana setiap orang Islam diwajibkan menjas dan mengemukakan kepada orang yang masih jahil pengajaran asas di dalam Islam yang menjadi fardu ain kepada setiap orang, kerana orang jahil mengenainya terdapat di mana-mana. Di samping itu, ia juga menjadi fardu kifayah, kerana keperluan menyediakan golongan tertentu di kalangan orang Islam untuk lebih dipertanggungjawabkan ke atas mereka di dalam urusan dakwah.<sup>26</sup>

Muhammad Abu Zahrah mengemukakan pendapat yang sama. Beliau membuat kesimpulan bahawa melihat kepada usaha tenaga yang telah dilakukan oleh para sahabat dan tabi'en yang masing-masing mengambil bahagian dengan sepenuhnya terhadap usaha dakwah, maka dapat difahami bahawa dakwah itu fardu 'ain. Di samping itu, ia fardu kifayah atas jamaah Islamiah. Dengan itu, hukum dakwah ke atas setiap orang ialah kedua-duanya sekali.<sup>27</sup>

Muhammad 'Abduh membahagikan dakwah kepada dua bahagian, iaitu dakwah kepada seluruh manusia dan dakwah kepada orang Islam. Dakwah bahagian kedua terbahagi pula kepada bentuk umum dan bentuk khusus. Dakwah bentuk khusus ialah dengan cara nasihat menasihati antara satu sama lain, sama-sama menolong kebaikan dan sama-sama menegah kemungkaran. Tanggungjawab ini adalah tanggungjawab bersama, tanpa mengira si alim atau si jahil.<sup>28</sup>

Manakala 'AbdulKarim Zaidan pula menjelaskan bahawa kewajipan dakwah atas seseorang itu ada dua peringkat. Pertama, peringkat perseorangan yang mesti dilakukan oleh setiap orang Islam, berdasarkan dia itu seorang Islam. Kedua, peringkat berjamaah, berdasarkan dia itu menjadi anggota kepada jamaah.<sup>29</sup>

Berdasarkan keterangan-keterangan yang telah dijelaskan, kesimpulannya ialah tanggungjawab dakwah terlalu besar. Ia bukan setakat fardu ain atas setiap orang Islam, malah juga fardu kifayah atas seluruh orang Islam, mengikut kemampuan masing-masing.



## Keadaan Dakwah

Untuk memudahkan lagi kefahaman tentang hukum dakwah, setiap orang hendaklah memahami dua perkara yang berhubung dengan dakwah. Pertama, tabiat dakwah, iaitu satu tugas yang berat dan susah. Kedua, program dakwah, iaitu tidak sekadar mengajar dan memberi ceramah.

Dakwah adalah satu tanggungjawab yang berat dan tidak berkesudahan. Ia bukan setakat memberi penerangan berhubung dengan Islam, tetapi yang lebih penting ialah mengubah sikap dan tabiat manusia supaya selaras dengan kehendak Allah dan rasul-Nya. Dalam satu ayat, Allah menjelaskan perkara ini yang maksudnya:

*Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan dalam kalangan tiap-tiap umat seorang rasul yang menyeru supaya mereka memperhambakan diri kepada Allah dan menjauhkan diri dari perhambaan diri kepada taghut ...*

(*al-Nahl: 36*).

Perubahan sikap dan tabiat manusia untuk memperhambakan diri kepada Allah dan membelakangi taghut merupakan tugas para rasul dan pengikut-pengikut mereka. Kerja-kerja untuk tujuan tersebut sudah tentu bersua dengan banyak kesusahan, di samping banyak tentangan dari pihak musuh. Oleh itu, kerja-kerja dakwah memerlukan seluruh perhatian, tenaga dan masa yang tidak berkesudahan, sebagaimana yang dilakukan oleh para rasul dan pengikut-pengikut mereka.

Dakwah tidak boleh disamakan dengan suruhan-suruhan yang terdapat di dalam fardu kifayah, seperti sembahyang ke atas mayat. Untuk melaksanakan tugas tersebut adalah senang, di samping tidak memerlukan masa yang banyak. Tetapi dakwah tidak demikian, kerana ia satu tugas yang berat dan berpanjangan. Ia memerlukan gandingan seluruh tenaga orang Islam.

Manakala program dakwah pula, skopnya terlalu luas. Ia termasuk apa sahaja usaha yang tidak ditegah oleh syarak untuk membawa seseorang menuju ke jalan Allah. Dengan yang demikian, sesuatu kerja dakwah itu memerlukan ilmu, tenaga, wang ringgit, kepakaran, jiwa raga, mulut, pengurusan, tempat, pengangkutan dan lain-lain. Benda-benda tersebut tidak boleh didapati dari perseorangan, apalagi kerana keperluan kepada benda-benda tersebut tidak terhad. Setiap orang tidak boleh melepaskan diri dari memberikan saham apa yang ada padanya, bagi melengkapkan kerja-kerja dakwah. Masing-masing sempurna menyempurnai antara satu sama lain.

Allah berfirman yang maksudnya:

*Dan bertolonganlah sesama kamu di dalam kebaikan dan ketakwaan dan jangan bertolongan di dalam kedosaan dan perseteruan ...*

(*al-Maidah: 2*).

Dari sini jelas menunjukkan bahawa kemampuan yang ada pada seseorang itu hendaklah diberikan kepada usaha dakwah sebagai lengkap melengkap antara satu sama lain.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan kajian yang telah dikemukakan, beberapa kesimpulan dapat diambil, yaitu sebagaimana berikut:

1. Tanggungjawab dakwah masih ditanggapi secara keliru oleh kebanyakan orang Islam. Akibatnya, dakwah tidak diambil berat. Ia diusahakan secara bersungguh oleh segolongan kecil orang Islam sahaja.
2. Segala kerja yang dibuat secara tersusun ke arah perubahan dan peningkatan yang sesuai bagi sasaran, dengan berdasarkan agama ini, untuk kepentingan mereka di dunia dan di akhirat dinamakan dakwah. Dakwah bukan sekadar mengajar dan memberi ceramah agama. Ia jauh lebih luas dari itu.
3. Ulama berselisih pendapat tentang hukum dakwah yang secara kasarnya sama ada fardu ain atau fardu kifayah, dan masing-masing mempunyai hujah yang tertentu. Tetapi, berdasarkan kajian ini, hujah yang mengatakan dakwah itu fardu ain adalah lebih kukuh dan tepat.
4. Dengan hujah-hujah yang dikemukakan, sesetengah ulama berpendapat bahawa dakwah itu bukan setakat fardu ain, malah kedua-duanya sekali, iaitu fardu ain dan fardu kifayah ke atas setiap orang.
5. Untuk menggerakkan kerja-kerja dakwah yang berat dan berpanjangan, setiap orang hendaklah menyumbangkan saham masing-masing berdasarkan apa yang ada padanya. Pengembelian tenaga dan lengkap melengkapi dalam semua perkara bagi mengerakkan usaha ini perlu diberikan oleh setiap orang, mengikut kemampuan dan keadaan masing-masing.
6. Diharapkan bahawa semua pihak berkenaan menggerakkan usaha yang sepenuhnya, untuk mengembalikan imej tanggapan terhadap tanggungjawab dakwah yang tercemar.

## Nota Kaki

- 1 Muhammad al-Ghazali, *Maa' Allah*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut, 1981, hal. 17.
- 2 Lihat: Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hal. 15.
- 3 Al-Qurtubi, Abu 'Abdullah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr ibn Farah al-Ansari al-Khazarji al-Andalasi, *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Dar Ihya' Beirut, jil. 4, hal. 165.
- 4 Al-Shawkani, Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad, *Fath al-Qadir*, Dar al-Fikr Beirut, 1964, jil. 1, hal. 369.
- 5 Al-Qurtubi, *op. cit.*, jil. 8, hal.293.
- 6 Dibawa oleh Dr. 'Abdul Karim Zaidan, *Usul al-Da'wah*, al-Manar, 1976, hal.304.
- 7 Dr. Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal, *Al-Da'wah ila Allah Ta'ala Khasaisuha Muqawwimatuha Manahijuha*, 1977, hal.30.
- 8 Zaidan, *op. cit.*, hal.298.
- 9 *Ibid.*
- 10 *Ibid.* hal.298-299.
- 11 Al-Sabuni, Muhammad 'Ali, *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*, Dar al-Quran Beirut, 1981, jil. 2, hal.265.
- 12 Al-Sabuni, *op. cit.*, jil. 1, hal.538.
- 13 Ibn Hajar, Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*, al-Salafiyah al-Riyadh al-Hadisath, jil. 1, hal. 158.
- 14 *Ibid.*, jil. 6, hal.496.
- 15 Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya ibn Shuraf al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharhi al-Nawawi*, Dar Fikr, Beirut, 1972, jil. 2, hh. 22 dan 25.
- 16 Al-Qurtubi, *op. cit.*, jil. 4, hal.49.
- 17 Al-Sayuti, Sunan al-Nasai wa Maa'hu Zahrah al-Ruba, Mesir 1964, jil. 6, hal.7.
- 18 Al-Baidhawi, *Shar al-Badakhshi wa Maa'hu Shar al-Asnawi Kilahuma Shar Manhaj al-Wusul fi 'Ilm al-Usul*, jil. 1, hal. 95.
- 19 Al-Shawkani, *op. cit.*, jil. 1, hal.369.
- 20 Muhammad Rashid Rida, *Al-Qur'an al-Hakim al-Shahir bi-Tafsir al-Manar*, Dar al-Ma'rifah Beirut, al-Tab'ah al-Thaniyah, jil. 4, hal.27.

- 21 Al-Sayyid Nawfal, *op. cit.*, hal.31.
- 22 Dr. Mohyiddin 'Abd al-Halim, *Al-I'lam al-Islami wa Tatbiqatuhu al-'Amaliyah*, Maktabah al-Khanaji bi-Misr, 1980, hh. 164-165.
- 23 Dr. Hasan 'Isa 'Abd al-Zahir, *Fusul fi al-Da'wah wa al-Thaqafah al-Islamiyah*, Dar al-Qalam, Kuwait, 1981/1401, hal.52.
- 24 Zaidan, *op. cit.* hal.304.
- 25 *Sunan ibn Majah*, Dar Ihya' al-Turath, jil. 2, hal.1327.
- 26 Al-Sayyid Nawfal, *op. cit.* hh.31-31.
- 27 Muhammad Abu Zahrah, *Al-Da'wah ila al-Islam*, Dar al-Fikr al-'Arabi, hh.34-40.
- 28 Muhammad Rashid Rida, *op. cit.*, jil. 4, hh.27-28.
- 29 Zaidan, *op. cit.*, hal.300.